

27 JULAI 2017

## Polis Thailand rampas dadah RM128 juta

### Polis Thailand rampas dadah RM128 juta

**Bangkok:** Polis Thailand mengumumkan, pihaknya merampas dadah bernilai AS\$30 juta (RM128.54 juta) termasuk tujuh juta pil methamphetamine, 'ais' dan cecair ketamin, dari kediaman di sekitar ibu kota ini dikaitkan dengan raja dadah Laos.

Dalam serbuan itu, rakyat sembilan Thailand ditangkap dalam operasi besar-besaran dua hari yang menjumpai 60 kilogram methamphetamine kristal dikenali 'ice' dan beribu-ribu botol mengandungi cecair ketamin.

Apabila dihisap, 'ice' menye-

babkan kesan khayal lebih kuat berbanding versi pil, dikenali di Thailand sebagai 'yaba' dan turut membanjiri negara lain di Asia Tenggara.

"Dadah terbabit disimpan dalam gudang, menunggu dihantar kepada pengedar dadah peringkat rendah," kata Wuttipong Phetkamnerd dari Biro Pengendalian Narkotik menganggarkan nilai rampasan satu bilion baht (RM128.54 juta)

"Rangkaian atasan sindiket itu dikaitkan dengan Xaysana (Keopimpha) dan lain," katanya meru-



Xaysana Keopimpha

juk rakyat Laos berusia 42 tahun ditangkap di lapangan terbang Thailand Januari lalu.

Polis mendakwa, Xaysana, digelar 'Mr X', menggunakan pangkalan samar-samar di Laos untuk mengedar meth, ais dan ecstasy dari rantau 'Segi Tiga Emas' menerusi Thailand dan Malaysia.

Penahanan Xaysana mendapat liputan meluas media Thailand selepas polis berkata, beberapa selebriti termasuk bintang sinetron dikaitkan dengan rangkaian penyeludupannya.

Ia juga menyetengahkan pera-

nan negara komunis Laos sebagai transit dalam perdagangan dadah serantau, terdiri daripada beberapa orang tengah penting didakwa mengedarkan pil untuk pasaran besar di Thailand dan Malaysia.

Namun, Xaysana menafikan dakwaan itu dan menunggu perbicaraan di sebuah penjara Thailand.

Segi Tiga Emas, meliputi wilayah Thailand, Myanmar, Laos bertembung dengan selatan China, adalah kawasan pengeluaran dadah kedua terbesar di dunia selepas Amerika Latin. AFP